

# ‘Malaysia, ASEAN rantau paling aman, pantas berkembang’

**Putrajaya:** Negara luar melihat Malaysia dan ASEAN sebagai rantau paling aman di dunia dan pantas dalam pertumbuhan ekonomi, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, perkara itu disampaikan kepadanya sepanjang lawatan kerjanya di luar negara seperti China, Mesir, Arab Saudi, Peru, Brazil dan Korea Selatan, baru-baru ini.

Beliau menegaskan, Malaysia khususnya menjadi negara contoh kerana memiliki pelbagai kaum dan agama serta warna kulit, namun memiliki semangat kesatuan yang tinggi.

“Orang luar meneropong, dia cakap (Malaysia) ini antara negara yang rumit dijaga, banyak ‘peel’ (ragam), pelbagai warna kulit, tapi ada semangat kesa-


luan dan aman.

“Rantau Malaysia dan ASEAN juga dianggap paling pantas kemajuan dan pertumbuhan ekonomi,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Peluncuran Festival Idea Putrajaya (FOI) di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), di sini, semalam.

Yang turut hadir, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi; Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar.

Dalam pada itu, Anwar menampelas segelintir pihak yang mufis idea dan mencari isu untuk menarik orang ramai melalui perkauman yang sempit.



Anwar pada sesi wacana pada Majlis Peluncuran Festival Idea Putrajaya di PICC, semalam yang turut dihadiri Ahmad Zahid dan Zambry.

(Foto Asyraf Hamzah/BH)

Mengenai program itu, beliau berkata FOI mampu menyemarakkan pemikiran baharu, daya cipta dan kreativiti dalam kalangan anak muda.

Katanya, idea amat penting dalam membangunkan negara seperti mana yang diungkapkan dalam kerangka besar Ma-

laysia MADANI.

“Idea boleh bercambah, boleh berkecamuk, sebab itu penerimaan idea, kupasan idea sangat penting. Ini bermakna idea yang kita bicara adalah kerangka besar yang mempertahankan nilai murni termasuk kemanusiaan dan kebaikan.

“Negara harus membangun, membangun dengan idea, kita ungkapkan dalam kerangka besar MADANI, maknanya idea pembaharuan, ada yang mengakar ke bumi iaitu jati diri bangsa, nilai, budaya, bahasa, keyakinan dan kepercayaan agama,” katanya.